

Kerajaan Selangor Hantar Surat Kepada Kerajaan Pusat Berhubung Penstrukturan Semula Industri Air
Bernama
19 September, 2012

SHAH ALAM, 19 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Selangor menghantar surat terbaharu kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk berunding bagi menyelesaikan isu penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri ini mengikut Akta Perkhidmatan Bekalan Air 2006 (WSIA) yang menemui jalan buntu sejak sekian lama.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata perkara itu dimaklumkan kepada Menteri berkenaan, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui menerusi surat bertarikh 14 Sept lepas dan surat sama turut dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk rujukan beliau.

"Sekiranya Datuk Peter Chin tidak memberi maklum balas dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini, saya beranggapan pihak kementerian tidak mempunyai sebarang bantahan untuk saya meneruskan penstrukturan air ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di sini, Rabu.

Abdul Khalid berkata kerajaan Selangor akan mengumumkan tawaran terbaharu untuk membeli kesemua empat syarikat konsesi air di negeri ini selewat-lewatnya 29 Sept ini sekiranya tidak mendapat maklum balas daripada surat dihantar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695702>